

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]
TARIKH : 24.03.2014 (ISNIN)

DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN
KEPENGUNAAN menyatakan:-

- (a) Senarai syarikat-syarikat, jumlah kuota subsidi mengikut harga/liter dan nilai kontrak *Community Drumming* yang diluluskan di seluruh Sarawak mengikut zon bagi tahun 2014; dan
- (b) Apakah garis panduan dan ketelusan pemberian kontrak tersebut dan apakah kaedah pelaksanaannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- a) Dalam tahun 2014, Kementerian telah meluluskan pelantikan sebanyak 50 syarikat *transporter* di bawah Program Penyeragaman Harga bagi *Community Drumming* dengan jumlah kontrak bernilai RM37.8 juta setahun manakala kuota petrol dan diesel untuk setahun adalah sebanyak 32.6 juta liter. Untuk makluman Yang Berhormat, pecahan bilangan syarikat yang dilantik menjadi *transporter* bagi tujuh (7) Zon di Negeri Sarawak ialah Bintulu sebanyak 12 syarikat, Limbang tujuh (7) syarikat, Sarikei satu (1) syarikat, Sri Aman empat (4) syarikat, Kapit tujuh (7) syarikat, Miri 13 syarikat dan Sibu enam (6) syarikat.
- b) Pelantikan syarikat-syarikat *transporter* ini dibuat dengan telus, teliti dan teratur oleh Lembaga Perolehan yang dianggotai oleh wakil-wakil Kementerian ini dan Jabatan Kerja Raya. Pertimbangan pelantikan syarikat-syarikat adalah berdasarkan Garis Panduan seperti berikut:
 - i. Syarikat yang memohon adalah syarikat tempatan mengikut negeri (Sarawak);
 - ii. Syarikat mempunyai kemudahan logistik (pengangkutan, pelan pengedaran, stor penyimpanan serta tenaga kerja) adalah kriteria yang penting dalam pemilihan syarikat. Syarikat yang mempunyai kemudahan logistik dan pelan pengedaran yang terbaik akan diberi keutamaan; dan

- iii. Syarikat mempunyai pemahaman yang mendalam mengenai keadaan tempatan termasuk mengenalpasti dan telah membuat lawatan ke peruncit *Point of Sales* (POS) sedia ada yang berpotensi menyertai projek.